

Pindaan Akta Pertubuhan Jaminan Mahathir dialu2

KUALA LUMPUR, Rabu — Jaminan bakal Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Pindaan Akta Pertubuhan akan dilaksanakan dengan teliti setelah mengkaji kegiatan menyeluruh sesuatu pertubuhan itu disambut baik oleh Jawatankuasa Penyelaras 200 pertubuhan yang membantah pindaan akta berkenaan.

Ini, kata Pengerusi Jawatankuasa tersebut, Encik Anwar Ibrahim, membuat jawatankuasa itu menaruh harapan bahawa pimpinan baru kerajaan nanti akan memberi pertimbangan khusus terhadap rayuan orangramai supaya pindaan akta itu dimansuhkan.

Setakat ini, katanya, kira-kira 60,000 orang awam telah menurunkan tandatangan sebagai m e m b a n t a h penguatkuasaan pindaan itu.

Bagaimanapun, tambahnya, walaupun pemimpin-pemimpin kerajaan berulang kali menyatakan pindaan itu tidak bertujuan menyekat kebebasan berpersatuan, jawatankuasa yang dipengeruskannya tetap menganggapnya sebagai satu langkah yang keterlaluan.

Ini, kata Encik Anwar, kerana seseorang yang diberikan tugas Pendaftar Pertubuhan bebas mentafsir undang-undang serta menghukum mengikut budiblicaranya dengan mengeneapkan mahkamah.